

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1991

DASAR PINDAHMILIK TANAH KEPADA ORANG BUKAN MELAYU BERAGAMA ISLAM

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 19.3.91 semasa menimbang Kertas Bil. 6/224/91(5) telah membuat keputusan bahawa pindahmilik tanah kepada Orang-Orang Bukan Melayu Beragama Islam boleh dipertimbangkan seperti berikut:-

- a) Pindahmilik tanah kepada Orang-Orang Bukan Melayu Anak Kelantan Beragama Islam boleh diluluskan tanpa perubahan jenis hakmilik.
- b) Pindahmilik tanah kepada Orang Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan Beragama Islam yang dilahirkan di Kelantan atau bermastautin di Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun bolehlah diluluskan tanpa perubahan jenis hakmilik.
- c) Pindahmilik tanah kepada Orang-Orang Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan Beragama Islam dan telah bermastautin di Kelantan tidak kurang daripada 10 tahun boleh diluluskan secara pajakan 99 tahun.

2. Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil maklumat tentang keputusan yang dibuat oleh M.M.K. di atas bila menyedia kertas kerja bagi permohonan pindahmilik tanah kepada Orang-Orang Bukan Melayu Beragama Islam.

t.t

(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU**

BERTARIKH : 28HB. MAC 1991

KEPADAA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan.
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

FAIL: P.T.G.KN. SULIT 1/2/4/ (29)